

20/03/2000

Usaha senaraikan Muhyiddin ditolak

JASIN, Ahad - Usaha Umno bahagian Jasin untuk menyenaraikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yasin sebagai salah seorang calon Naib Presiden Umno, gagal selepas pengundian terbuka dilakukan.

Sejak semua Umno bahagian di negeri ini mula mengadakan mesyuarat perwakilan pada 5 Mac lalu, semua pencalonan yang dibuat oleh wakil Umno bahagian, dipersetujui sebulat suara.

Bagaimanapun, pada hari ini, mesyuarat perwakilan Umno bahagian Jasin yang juga bahagian terakhir di negeri ini selepas Batu Berendam, Selandar, Kota Melaka dan Alor Gajah, cadangan daripada Umno bahagian ditolak oleh perwakilan.

Senarai lengkap nama yang dicalonkan oleh Umno bahagian itu, dibacakan Timbalan Ketua Umnonya merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Sains dan Teknologi negeri, Datuk Ahmad Hamzah, bermula daripada pengerusi tetap hingga kepada 25 nama ahli Majlis Tertinggi (MT).

Ahmad yang mewakili Umno bahagian, menamakan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Datuk Seri Onn Ismail, masing-masing sebagai pengerusi tetap dan timbalan pengerusi tetap.

Umno bahagian itu juga mencalonkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi jawatan presiden dan timbalan presiden Umno.

Bagi jawatan naib presiden pula, Umno bahagian Jasin mencadangkan Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Abdul Ghani Osman dan Tan Sri Muhyiddin Yasin.

Sebelum itu, perwakilan dari cawangan Jasin, Tahir Husin pula mencadangkan nama Muhyiddin digugurkan dan digantikan dengan Datuk Dr Rais Yatim.

Cadangan itu kemudian disokong oleh perwakilan dari Terentang, Wahab Hasan.

Oleh kerana terdapat tiga cadangan, pengerusi tetap Umno bahagian, Datuk Jaafar Lajis memutuskan supaya pengundian secara terbuka diadakan selepas mendapat persetujuan daripada perwakilan.

Senarai Umno bahagian kemudian dijadikan cadangan A, manakala cadangan Abdul Rahman dan Tahir digabungkan pula menjadi cadangan B.

Selepas pengundian terbuka, iaitu dengan cara mengangkat dilakukan, cadangan Umno bahagian mendapat 112 undi manakala cadangan B mendapat 124 undi.

Berikutan itu, nama Muhyiddin digugurkan dan nama Rais dimasukkan dalam senarai pencalonan naib presiden.

(END)